

TARIKH	23 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	40	RUANGAN	Nasional



Francis dan Abdul Halim menunjukkan kit yang dibekalkan kepada jemaah haji.

## Antabax sediakan kit kebersihan jemaah haji

**JENAMA** penjagaan diri Antabax buat julung kalinya bekerjasama dengan Lembaga Tabung Haji (LTH), mengadakan program khidmat masyarakat di Kompleks Haji, Kelana Jaya, baru-baru ini.

Melalui kerjasama strategik ini, Antabax membekalkan 4,000 kit kebersihan Antabax secara percuma kepada bakal haji yang akan berlepas ke Tanah Suci.

Setiap bakal haji dibekalkan satu kit mengandungi barang penjagaan diri Antabax seperti sabun buku, cecair sanitasi tangan (50 ml) dan pek tisu pembersih untuk kegunaan persendirian dan melindungi jangkitan kuman.

Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran, Isi Rumah dan Penjagaan Diri, Lam Soon Edible Oils Sdn Bhd, Francis Ng berkata, pihaknya komited membantu komuniti menjaga kebersihan diri.

"Bekalan kit kebersihan Antabax ini dapat membantu memenuhi keperluan jemaah haji

dan dapat digunakan tanpa was-was, senang dibawa serta mudah digunakan sekalipun berada di kawasan sukar bagi mendapatkan bekalan air kerana ia digunakan secara semburan dan pengelapan," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Perigurus Besar Kanan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran merangkap Timbalan Pengarah Gerakan Operasi Haji, Abdul Halim Md Jamil merakamkan terima kasih atas sumbangan dan keprihatinan Antabax dalam sama-sama menjaga kesejahteraan jemaah haji Malaysia.

"Kami mewakili jemaah haji bersyukur kerana sumbangan kit kebersihan ini membantu dan memudahkan jemaah untuk kekal sihat, cergas dan bertenaga," katanya.

Produk Antabax diperakui halal dan mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta selamat digunakan.